

22 NOV 1998

Mahathir-Internet

PILIHAN RAYA UMUM: PM TIDAK TOLAK BN GUNAKAN INTERNET

KUALA KANGSAR, 22 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menolak Barisan Nasional (BN) mungkin menggunakan Internet dalam kempen pilihan raya umum akan datang untuk menangkis serangan kotor mengguna media itu.

"Sekiranya orang mahu serang BN dengan cara itu (Internet), kita akan gunakan cara yang sama." katanya.

Beliau berkatanya ini akan menyebabkan kempen pilihan raya menjadi lebih sukar kerana semua pihak akan menggunakan Internet untuk menyampaikan mesej mereka.

"Penggunaan Internet secara kotor amat menyedihkan kita," katanya kepada pemberita selepas melawat kilang Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata Internet ialah alat penyebaran ilmu dan bukannya media untuk menyampaikan "segala kekotoran dalam lubuk hati kita".

"Alangkah merugikan kalau kita mendapat satu alat sebegitu baik yang digunakan untuk keperluan yang tidak timbul dulu."

Beliau mengibaratkan Internet sebagai sebilah pisau yang boleh digunakan untuk mengukir sesuatu yang cantik atau untuk membunuh.

Presiden parti Gerakan Datuk Seri Lim Keng Yaik hari ini meminta BN untuk bersedia menghadapi kemungkinan "perang Internet" pada pilihan raya nanti berikutan perkembangan penggunaan media itu sekarang.

Mengenai lawatannya ke kilang Mariwasa, beliau berkata pengeluar tempatan perlu menghasilkan produk baru yang inovatif untuk pasaran tempatan dan luar negara.

Dr Mahathir berkata kebolehan industri tempatan perlu digunakan sepenuhnya untuk memenuhi permintaan barangan tempatan yang sekaligus dapat mengurangkan aliran keluar wang negara.

"Saya nampak kebolehan kilang ini luar biasa dalam menghasilkan barangan logam seperti perak dan pewter berkualiti tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata kilang itu sedang berbincang dengan sebuah syarikat Jepun untuk mempelajari teknologi pembuatan menggunakan laser yang boleh menjimatkan masa.

Dr Mahathir berkata beliau mengetahui kewujudan teknologi itu ketika melakukan lawatan ke Jepun baru-baru ini.

Beliau juga meminta pihak pekilang mewujudkan lebih banyak sistem vendor ke arah menggalakkan pertumbuhan industri kecil.

Syarikat Mariwasa menghasilkan kesemua pingat untuk pemenang Sukan Komanwel 98 yang dianjurkan negara September lepas.

-- BERNAMA

MAM HK WAT